



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **MAKLUMBALAS BERKAITAN ISU PELANGGARAN ARTIKEL 5.3 WHO FCTC OLEH PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN KESIHATAN**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan kenyataan dan kebimbangan yang disuarakan oleh Majlis Kawalan Tembakau Malaysia di media massa berhubung isu dua (2) pegawai kanan KKM yang dikatakan bertemu dengan industri tembakau yang didakwa telah melanggar Artikel 5.3 *World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control* (WHO FCTC). Artikel 5.3 WHO FCTC menetapkan agar Malaysia sebagai negara anggota perlu melaksanakan dasar kesihatan awam berkenaan dengan kawalan tembakau serta melindungi dasar tersebut daripada kepentingan komersial dan kepentingan industri tembakau berlandaskan undang-undang negara.

Artikel 5.3 WHO FCTC telah menetapkan satu garis panduan pelaksanaan di mana langkah-langkah kawalan mesti diwujudkan seperti berikut:

- a) menghadkan sebarang interaksi bersama industri tembakau
- b) memastikan ketelusan interaksi yang berlaku
- c) menolak perkongsian dan perjanjian bersama industri tembakau
- d) mengelakkan konflik kepentingan bagi pegawai dan kakitangan kerajaan.

Sebagai anggota parti kepada *World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control* (WHO FCTC) sejak 16 September 2005, KKM sentiasa memastikan sebarang interaksi bersama industri tembakau

adalah mematuhi garis panduan Artikel 5.3. Selain daripada itu, polisi-polisi berkaitan yang juga dirujuk adalah seperti Polisi Pengurusan Percanggahan Kepentingan, Polisi Antirasuah, Polisi Pengurusan Hadiah, Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan; dan Polisi Kod Etika dan Tatakelakuan.

Pihak KKM telah menjalankan siasatan berkaitan dakwaan yang telah dibuat. Hasil awal siasatan yang dijalankan mendapati, dua (2) orang pegawai KKM telah dikunjungi oleh dua (2) individu yang telah memperkenalkan diri mereka sebagai pemilik syarikat basikal Putrajaya dan syarikat percetakan. Tujuan perjumpaan adalah untuk membincangkan cadangan untuk mengadakan program intervensi pengurangan berat badan, namun tiada sebarang persetujuan dibuat semasa perbincangan tersebut.

KKM memandang serius dakwaan yang sedang tular ini. Dakwaan ini menggambarkan imej yang tidak baik khusus kepada KKM dan amnya kepada Kerajaan. KKM tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai yang melanggar garis panduan Artikel 5.3 dan polisi berkaitan. Pada masa yang sama, sebagai penjawat awam khususnya kakitangan KKM, tanggungjawab untuk memastikan sebarang perjumpaan bersama mana-mana syarikat swasta mahupun badan bukan kerajaan mestilah bebas daripada sebarang konflik yang boleh menjurus kepada kepentingan diri sendiri.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR NORHAYATI BINTI RUSLI**  
**TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

2 Februari 2023